

21/03/2000

Umno Sabah mahu akhiri giliran KM

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Umno Sabah akan berusaha mendapatkan persetujuan parti komponen Barisan Nasional (BN) lain bagi menamatkan sistem penggiliran Ketua Menteri di negeri itu.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam, berkata Umno Sabah berpendapat rundingan di antara parti komponen BN sebagai kaedah terbaik bagi menyelesaikan perkara itu.

Beliau yang juga Ketua Umno Bahagian Kinabalu, berkata berdasarkan perbincangan tidak rasmi dengan beberapa pemimpin parti komponen lain BN, mereka jelas menyokong cadangan Umno supaya sistem itu ditamatkan.

Bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini, beliau berkata pemimpin terbabit menerima hakikat bahawa kepemimpinan dan sokongan Umno di Sabah adalah kuat dan sedar tanpa Umno, kerajaan Sabah tidak akan wujud.

Beliau mengulas perkembangan terkini sistem penggiliran Ketua Menteri di Sabah berikutan desakan beberapa bahagian Umno supaya pelaksanaan sistem itu dikaji semula.

Kasitah berkata, isu sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah seharusnya diselesaikan secara muzakarah di peringkat BN negeri, bukan menerusi resolusi kepada pucuk kepemimpinan parti.

Katanya, desakan secara terbuka bukan saja menimbulkan perdebatan tetapi boleh dianggap sebagai mencabar keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung penerusan sistem itu.

"Sepatutnya kita bincang dalam satu keluarga dan selepas itu baru bawa kepada Perdana Menteri. Jika semua komponen setuju untuk menamatkan sistem itu, Perdana Menteri pun tentu akan berterima kasih," katanya.

Kasitah berkata, sebagai pemimpin Umno dari Sabah, beliau menyokong supaya sistem penggiliran itu ditamatkan, tetapi sebagai pemimpin dalam komponen BN beliau akur dengan keputusan pucuk kepemimpinan.

"Bagi Umno, kita ada 26 dari 48 kerusi Dewan Undangan Negeri, Justeru, jawatan Ketua Menteri sepatutnya diberikan kepada Umno," katanya.

Sistem penggiliran Ketua Menteri di Sabah bermula pada 1994 selepas Barisan Nasional (BN) berjaya menawan semula negeri itu daripada Parti Bersatu Sabah (PBS).

Ia membabitkan pelantikan Ketua Menteri dari kalangan pemimpin yang mewakili masyarakat Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Pada pilihan raya negeri kesembilan Mac tahun lalu, BN memenangi 31 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah. Umno memenangi semua 24 kerusi yang ditandingi, Parti Maju Sabah memenangi tiga kerusi, dan Parti Demokratik Sabah (PDS) serta Parti Liberal Demokratik (LDP) masing-masing dua kerusi.

Mengenai pemilihan Umno, Kasitah berkata sistem pencalonan minimum untuk kelayakan bertanding harus dikekalkan bagi menjaga keutuhan parti serta memastikan hanya mereka yang mendapat sokongan akar umbi boleh bertanding.

Katanya, tanpa sistem itu pihak tertentu boleh bertindak menggugat keutuhan Umno dengan mencabar kepemimpinan parti walaupun hanya mendapat satu atau dua pencalonan daripada bahagian.

"Dalam keadaan sekarang sistem kelayakan ini adalah baik," katanya.

(END)